

23/06/2003

Pelukis abadi wajah Dr M hormai jasa, pengorbanan

Shukor Kasim

PELBAGAI pihak kini merancang pelbagai cara menghormai jasa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara sebagai Perdana Menteri kira-kira empat bulan lagi.

Pelukis potret, Maslan Idris, 48, dia turut tidak mahu ketinggalan mengabadikan kenangan dengan bakal mengadakan pameran lukisan 'Wajah Perdana Menteri' pada Ogos ini sebagai tanda menghormai dan mengabadikan jasa pemimpin ulung itu.

Beliau yang berasal dari Perlis tetapi menetap di Duyung dekat Melaka berkata, pada pameran itu, dia akan melukiskan wajah Perdana Menteri dalam pelbagai rupa untuk tatapan rakyat jelata.

Selain mempamerkannya, beliau akan menjualnya kepada mereka yang berminat untuk diabadikan di rumah masing-masing.

Katanya, pada masa ini dia sedang mengumpul seberapa banyak gambar Dr Mahathir untuk dipilih sebelum dilukis pada kanvas menggunakan teknik 'lukis tanpa sentuhan' atau lebih dikenali 'air brush'.

"Saya berharap impian ini menjadi kenyataan dan kejayaan itu pasti memberi kepuasan pada diri kerana dapat mempamerkan potret seorang PM yang paling berjasa kepada negara.

"Apapun matlamat utama lukisan yang saya hasilkan nanti akan disaksikan rakyat dan saya akan berasa lebih bahagia apabila mereka membeli untuk disimpan sebagai kenangan," katanya ketika ditemui di Hotel Equatorial, di Melaka.

Ketika ini, Maslan sedang mengadakan pameran solo di hotel berkenaan selama sebulan.

Tinjauan Berita Harian ke pameran itu, mendapati beliau sibuk menyiapkan potret Perdana Menteri memakai songkok hitam dan berbaju Melayu merah manakala sebuah lukisan yang sudah siap sepenuhnya wajah Perdana Menteri berkot hitam, bertali leher sambil mengukirkan senyuman.

Maslan berkata, pada masa ini dia sudah memulakan kerja melukis dua potret Dr Mahathir di samping sedang berusaha mengumpulkan pelbagai gambarnya untuk dilukis sebelum dipamerkan kelak.

"Selepas berhasil memperoleh gambar yang dikehendaki, saya akan melukis sama ada menggunakan gabungan pelbagai warna atau adunan dua warna saja iaitu hitam dan biru," katanya.

Ditanya mengenai tempat pameran itu bakal diadakan, Maslan berkata, beliau memutuskan memilih negeri Hang Tuah sebagai pilihan utama manakala lokasinya adalah di Perbadanan Muzium Melaka (Perzim).

"Untuk merealisasikan impian itu, seorang promoter akan dilantik bagi menguruskan pameran berkenaan. Antara usaha yang bakal diatur ialah

memaklumkan hasrat itu kepada isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam," katanya.